

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HMT 202 Fonetik dan Fonologi Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam TIGA (3) muka surat.

Jawab EMPAT (4) soalan. SOALAN NO. 1 diwajibkan dan TIGA (3) soalan yang lain.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1.	<u>Kata Kerja Dasar</u>	<u>Bentuk Berimbuh</u>
(a)	[lateh]	[məlateh]
(b)	[rujo?]	[mərujo?]
(c)	[wares]	[məwāressi]
(d)	[ajar]	[məŋāja(r)]
(e)	[erti]	[məŋərti]
(f)	[use(r)]	[məŋūse(r)]
(g)	[hanta(r)]	[məŋhanta(r)]
(h)	[ela?]	[məŋela?]
(i)	[yaken]	[məyāken]
(j)	[olah]	[məŋōlah]
(k)	[ikat ¹]	[məŋikat ¹]
(l)	[ŋāŋā]	[məŋāŋā]
(m)	[ŋāŋī]	[məŋāŋī]
(n)	[bača]	[məmbača]
(o)	[goso?]	[məŋgoso?]
(p)	[daki]	[məndaki]
(q)	[pileh]	[məmīleh]

(r)	[tikam]	[mən̩ikam]
(s)	[kayoh]	[məŋ̩ayoh]
(t)	[juwal]	[məŋ̩juwal]
(u)	[siram]	[məŋ̩iram]
(v)	[lap]	[məŋ̩əlap]
(w)	[bom]	[məŋ̩əbom]
(x)	[čat ⁱ]	[məŋ̩əčat ⁱ]

(Dialek Johor Riau)

- (a) Berikan bentuk dasar imbuhan awalan dan berikan sebab kenapa bentuk itu dipilih.
- (b) Tulis rumus untuk menerangkan kesemua perubahan yang terdapat pada bentuk berimbuhan itu.
- (c) Perlu atau tidak rumus-rumus itu disusun? Berikan sebab dan terbitannya.
2. Terangkan bagaimana segmen-segmen fon di bawah dapat dihasilkan. Jawapan anda mesti disertai dengan gambarajah yang sesuai.
- (a) [c] dan [j]
- (b) [k] dan [g]
- (c) [p] dan [m]
3. (a) Penuhkan ruang di bawah dengan nilai (+ atau -) yang sesuai dan kemudian jika anda dapati ada fitur yang anda anggap lewah (redundant), bulatkan fitur itu dan nyatakan kenapa fitur yang anda bulatkan itu lewah.

	P	t	k
Anterior			
Kornonal			

- (b) Transkripsikan petikan di bawah ini ke dalam bentuk fonetik dengan menggunakan lambang-lambang fonetik antarabangsa (IPA).
- i. Mereka tidak bermain bola di padang yang berhampiran dengan pokok nyior itu kerana ramai pelancong berhimpun di situ.
 - ii. Penawaran biasiswa tahun ini tidak dapat diadakan sekarang kerana segala yang dirancangkan itu didapati salah.
4. Apabila morfem-morfem dicantumkan untuk membina kata, mungkin akan berlaku proses-proses perubahan fonologis seperti asimilasi, pengguguran, penyisipan, penduaan dan penyengauan vokal. Bincangkan pernyataan tersebut dan terangkan proses-proses fonologis dengan disertai contoh-contoh yang sesuai dari bahasa Malaysia.
5. Terangkan konsep-konsep di bawah:
- (a) fonem
 - (b) alofon
 - (c) arkifonem
- Jawapan anda mesti disertai contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Malaysia.
6. Terangkan dengan satu pernyataan apa yang dimaksudkan dengan rumus fonologis di bawah:

$$\left[\begin{array}{l} +\text{silabik} \\ +\text{tinggi} \end{array} \right] \longrightarrow [+\text{tengah}] / K_K\#$$

dan tuliskan rumus-rumus untuk pernyataan perubahan fonologis yang berikut:

- (a) hentian bersuara akan dineutralisasikan, atau tidak disuarakan pada akhir kata.
- (b) vokal oral akan sengau bila didahului nasal.
- (c) hentian tak bersuara tidak berlepasan pada akhir kata dan juga pada akhir suku kata.